

FORMAT LAPORAN TEKNIKAL

(KOMPETENSI UKUR BAHAN)



Program Pensijilan

KOMPETENSI TEKNIKAL

**Jabatan Kerja Raya Malaysia
2023**

Laporan
TEKNIKAL

KANDUNGAN

Maklumat Peribadi & Permohonan	1
Laporan Teknikal	2



Program Pensijilan **KOMPETENSI TEKNIKAL**

Jabatan Kerja Raya Malaysia
2023

Laporan **TEKNIKAL**

LAPORAN TEKNIKAL

NO SIRI	<i>(sila rujuk laman sesawang pemakluman calon berjaya peringkat pertama)</i>
NAMA	
JAWATAN & GRED	
CAWANGAN	

KOMPETENSI	TAHAP 2	TAHAP 3	TAHAP 4

LAPORAN TEKNIKAL

- i. Calon diminta mengemukakan tiga (3) salinan Laporan Teknikal dalam bentuk *hardcopy* dan satu (1) salinan *softcopy* yang dimajukan melalui e-mel pensijilanjkr@jkr.gov.my berkaitan dengan Bidang Kompetensi serta Tahap Pensijilan yang dimohon.
- ii. Antara isi kandungan di dalam Laporan Teknikal (berdasarkan Laporan Analisa Kritikal) adalah seperti berikut: *(Isi kandungan ini tidak terbatas kepada yang disenaraikan di bawah, calon boleh memasukkan lain-lain maklumat yang bersesuaian dan berkaitan)*

Laporan analisa kritikal ini adalah untuk menggambarkan pengalaman calon dan pengetahuan di dalam Displin Ukur Bahan. Calon hendaklah menunjukkan pengetahuan dan pemahaman berkaitan bidang yang dipilih daripada kompetensi yang dipohon.

- a. Pendahuluan dan Latarbelakang Projek (sila sesuaikan tajuk mengikut bidang kompetensi yang dimohon). *Calon hendaklah mempunyai pengetahuan mengenai tajuk/laporan yang dipilih serta berdasarkan kepada situasi dan pengalaman yang dilalui*

Penglibatan calon dalam tajuk laporan teknikal yang dikemukakan (sama ada dalam perancangan, rekabentuk, perolehan, pembinaan & penyeliaan, penyerahan dan proses-proses lain yang berkaitan). Calon hendaklah memberikan penerangan ringkas tentang bidang yang dipilih dari kompetensi yang dipohon, peranan calon dalam projek yang dipilih dan butiran lain yang berkaitan dan bersesuaian.

- b. Calon hendaklah mengenalpasti dan memberi penerangan berkaitan isu/permasalahan utama berkaitan dengan projek (kaitkan dengan bidang kompetensi yang dimohon).
- c. Calon hendaklah menghuraikan metodologi dan kaedah untuk menyelesaikan isu utama, membuat keputusan dan kawalan kepada isu tersebut termasuk penolakan kepada isu yang terlibat sekiranya berkaitan dan memberikan cadangan penyelesaian.
- d. Calon hendaklah menerangkan dan menghuraikan kaedah pilihan cadangan penyelesaian masalah berhubung dengan penilaian risiko dan impikasi dari segi kontrak, masa dan kos. Calon perlu mengemukakan bukti-bukti seperti laporan penyelesaian masalah berserta dengan dokumen-dokumen bukti. Kaedah penyelesaian ke atas sesuatu isu hendaklah dikaitkan dengan sumber rujukan yang mana berkenaan seperti terma kontrak, akta, kes-kes perundangan dan sumber-sumber rujukan lain yang berkaitan.
- e. Calon hendaklah menerangkan dan memberikan cadangan *lesson learnt* daripada isu yang terlibat dan penyelesaian masalah yang dinyatakan berdasarkan penglibatan calon di dalam projek tersebut.

- f. Rumusan – berikan rumusan atau pandangan berkaitan dengan Laporan Teknikal yang disediakan (yang mana berkaitan)
- g. Lampirkan dokumen-dokumen sokongan seperti Jadual/Graf/Lukisan/Pengiraan/Gambar/Kronologi/Lain-lain maklumat bagi menyokong keterangan Laporan Teknikal dengan teratur untuk memudahkan rujukan silang.

LAPORAN TEKNIKAL (PENSIJILAN TUNTUTAN - TAHAP 2 DAN TAHAP 3)

Calon yang memohon pensijilan tuntutan Tahap 2 dan Tahap 3, selain daripada penyediaan Laporan Teknikal yang dinyatakan di atas. Calon juga diminta untuk menyediakan Laporan sebagaimana berikut:

Laporan Teknikal Pensijilan Tuntutan Tahap 2

- a. Calon dikehendaki untuk menyediakan satu (1) Laporan penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan akibat daripada Lanjutan Masa termasuk menilai semua bukti sehingga Laporan tersebut untuk dibawa kepada Pihak Berkuasa Melulus Jabatan (PBM).

Laporan Teknikal Pensijilan Tuntutan Tahap 3

- a. Calon dikehendaki untuk menyediakan satu (1) laporan penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan akibat daripada Lanjutan Masa termasuk menilai semua bukti sehingga laporan tersebut dibawa kepada Pihak Berkuasa Melulus Jabatan (PBM) dan satu (1) laporan tuntutan yang mana melibatkan tuntutan yang dibawa ke mahkamah, adjudikasi atau timbangtara.

PERHATIAN

- Penilaian kompetensi calon dilaksana berdasarkan elemen kompetensi dan petunjuk pencapaian seperti dinyatakan di dalam Piawaian Kompetensi untuk bidang dan tahap kompetensi berkenaan. Laporan Teknikal yang dikemukakan oleh calon juga akan digunakan sebagai asas dan rujukan untuk penilaian kompetensi calon berkenaan.
- Semasa sesi temuduga, Panel Penilai akan menilai kompetensi calon berdasarkan Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal yang merangkumi ketiga-tiga komponen iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Deklarasi

Saya mengesahkan bahawa Laporan Teknikal yang disediakan ini adalah BENAR.

Tandatangan Calon :

Nama/Cop Rasmi :

Tarikh :

Disahkan

Tandatangan *Pemilik Kompetensi/Pegawai Kompeten Dalam Bidang Sama (Tahap Lebih Tinggi) :

Nama/Cop Rasmi :

Tarikh :

Tandatangan *Pengarah Kanan/ Pengarah/Ketua Jabatan (Kader) :

Nama/Cop Rasmi :

Tarikh :

** Sila potong mana yang tidak berkenaan*